



Good food, Good life

PERADUAN MILO X PARK SEO-JUN: PENCARIAN KOD RAHSIA

FAQ

S1: Bagaimana untuk menyertai?

- J: **LANGKAH 1:** Beli SEMUA empat (4) produk variasi dengan pembungkusan Edisi Terhad yang menampilkan artis Park Seo-Jun di atas pembungkusan seperti yang tersenarai di bawah dalam satu resit asal dari mana-mana outlet (di dalam kedai dan di dalam talian) sepanjang Tempoh Promosi
- (i) MILO Whole Grain Cereal 10 x 36g,
 - (ii) MILO 3in1 Regular 18 x 33g,
 - (iii) MILO Original Stik Pek 18 x 30g, dan
 - (iv) MILO Less Sugar 10 x 27g

LANGKAH 2: Lawati Laman Web Promosi dan lengkapkan borang web di:
<http://registration.nestle.com.my/milo-parkseojun>.

LANGKAH 3: Lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan dan Ayat Kata Rahsia “Bagaimana Park Seo-Jun mengharungi hari yang sibuk?” dalam borang web yang disediakan di Laman Web Promosi.

LANGKAH 4: Tangkap satu (1) gambar/imej jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png Resit yang lengkap dengan Butiran Resit. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) atau maksima dua (2) Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 2MB. Muat naik Imej pada Borang Web dan hantar.

S2: Mestikah saya membeli SEMUA empat (4) produk variasi dengan pembungkusan Edisi Terhad yang menampilkan artis Park Seo-Jun di atas pembungkusan?

J: YA, anda MESTI membeli SEMUA empat (4) produk variasi dengan pembungkusan Edisi Terhad yang menampilkan artis Park Seo-Jun di atas pembungkusan, iaitu satu untuk setiap variasi.



S3: Bagaimana jika saya tidak dapat membeli SEMUA empat (4) produk variasi dengan pembungkusan Edisi Terhad yang menampilkan artis Park Seo-Jun di atas pembungkusan daripada outlet yang sama?

J: Sekiranya anda tidak dapat membeli SEMUA empat (4) produk variasi dengan pembungkusan Edisi Terhad yang menampilkan artis Park Seo-Jun di atas pembungkusan daripada outlet yang sama, anda dibenarkan untuk membeli baki produk variasi daripada satu (1) lagi outlet yang lain (sama ada di dalam kedai atau di dalam talian) di dalam tempoh promosi.

Anda mesti mengambil gambar kedua-dua resit pembelian dalam satu (1) gambar/imej jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png Resit yang lengkap dengan Butiran Resit.

Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) atau maksima dua (2) Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 2MB. Muat naik Imej pada Borang Web dan hantar.

S4: Di manakah boleh saya cari Kata Rahsia untuk membentuk ayat “Bagaimana Park Seo-Jun mengharungi hari yang sibuk”?

A: Hanya Produk Edisi Terhad yang menampilkan artis Park Seo-Jun pada pembungkusan sahaja akan mempunyai Kod QR khas di bahagian belakang pembungkusan. Peserta mesti mengimbas kod QR untuk membawa ke mikrosit untuk menonton Iklan Promosi TVC MILO.

Setiap Kod QR pembungkusan akan membawa peserta ke empat (4) Iklan TVC MILO yang berbeza. Terdapat dua [2] Kata Rahsia dalam setiap Iklan TVC MILO. Secara keseluruhan, Peserta mesti menonton empat (4) Iklan TVC MILO mengikut susunan

Produk disenaraikan dalam S1 LANGKAH 1 dan mendapatkan empat (4) set Kata Rahsia dan membentuk satu (1) ayat dengan betul.

Anda mesti mencari 2 Kata Rahsia di setiap satu Iklan TVC. Di bawah adalah contoh-contoh Kata Rahsia yang anda mungkin jumpa:

- (i) Iklan MILO bagi MILO Whole Grain Cereal 10 x 36g – “**BERANI**” dan “**TERUS**”
- (ii) Iklan MILO bagi MILO 3in1 Regular 18 x 33g – “**MELANGKAH**” dan “**DENGAN**”
- (iii) Iklan MILO bagi MILO Original Stik Pek 18 x 30g – “**PENUH**” dan “**BERTENAGA**”
- (iv) Iklan MILO bagi MILO Less Sugar 10 x 27g – “**BERSAMA**” dan “**MILO**”

Kemudian anda mesti membentuk ayat yang betul dengan menggunakan contoh-contoh Kata Rahsia diatas seperti dibawah:

BERANI TERUS MELANGKAH DENGAN PENUH BERTENAGA BERSAMA MILO

S5: Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai promosi ini?

J: Anda boleh mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai promosi ini di:
<http://registration.nestle.com.my/milo-parkseojun>

S6: Bolehkah saya menghantar lebih daripada 1 penyertaan?

J: Peserta boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang mereka inginkan tetapi **setiap imej unik mesti mengandungi gambar satu (1) atau maksima dua (2) resit HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan.** Pengajur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana penyertaan dengan resit yang dicetak semula dan/atau Resit yang berulang dan/atau mengandungi lebih daripada dua (2) Resit.

S7: Adakah saya akan menerima balasan pemberitahuan selepas menghantar penyertaan saya?

J: Ya, anda akan menerima auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan selepas penghantaran Borang Penyertaan melalui laman web.

S8: Apakah umur penyertaan layak dan kelayakan penyertaan?

J: Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi. Pengajur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.

S9: Apakah tempoh promosi dan bilakah tarikh tutup penyertaan?

J: Promosi ini bermula jam 00:00:00 pada 30/09/2022 dan tutup jam 23:59:59 pada 03/11/2022.

Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 03/11/2022. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.

S10: Apakah hadiah-hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

J: Terdapat sejumlah sepuluh (10) Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.

Dua (2) Hadiah Mingguan berupa satu (1) Tandatangan Edisi Terhad MILO x Beg Tote Park Seo-Jun [rekaan rawak] setiap minggu selama lima (5) minggu berturut-turut.



S11: Apakah tempoh Hadiah Mingguan?

J: Lima (5) tempoh mingguan adalah seperti di bawah:

Minggu 1: 30/09 – 06/10/2022
Minggu 2: 07/10 – 13/10/2022
Minggu 3: 14/10 – 20/10/2022
Minggu 4: 21/10 – 27/10/2022
Minggu 5: 28/10 – 03/11/2022

S12: Bagaimana anda memilih Pemenang?

J: Semua Penyertaan Layak yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Kempen akan diperuntukkan 1 set nombor bersiri.
Setiap penyertaan layak akan diberikan 1 nombor bersiri.

Di akhir setiap Tempoh Mingguan, nombor bersiri akan dibahagi kepada 2 untuk memperoleh nombor bersiri kemenangan. Nombor bersiri yang menang akan menjadi nombor bulat yang terdekat dan terendah yang dihasilkan selepas pembahagian yang dinyatakan.

S13: Bagaimana Pemenang ditentukan?

J: Pihak Penganjur akan menghantar mesej melalui Nombor WhatsApp 6018 388 2455 kepada nombor telefon bimbit Finalis-finalis yang diberikan dalam Borang Pendaftaran. Setiap Finalis akan diberikan 1 soalan untuk dijawab. Sekiranya Finalis gagal untuk menjawab soalan dengan betul atau gagal untuk menjawab soalan yang diberikan dalam masa yang dinyatakan, akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.

Sekiranya terdapat keraguan apabila menerima WhatsApp berikut, peserta boleh hubungi talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 untuk pengesahan.

S14: Berapakah jumlah hadiah yang boleh dimenangi oleh peserta sepanjang tempoh promosi?

J: Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 Hadiah sahaja di sepanjang tempoh promosi.

S15: Bagaimana saya tahu jika saya telah memenangi ?

J: Seperti dimaklum dalam S11, untuk memenangi hadiah, Finalis akan menerima mesej melalui WhatsApp di mana satu soalan mesti dijawab dengan betul dalam masa yang ditetapkan.

Pengumuman Pemenang akan dipaparkan dalam masa 6-8 minggu dari 03/11/2022 di laman web Penganjur di: <http://registration.nestle.com.my/milo-parkseojun> dan MILO Facebook [<https://www.facebook.com/MiloMalaysia>].

S16: Bagaimana untuk mendapatkan Hadiah saya?

J: Pengajur akan menghantar satu [1] Tandatangan Edisi Terhad MILO x Beg Tote Park Seo-Jun [rekaan rawak] melalui kurier kepada pemenang dalam tempoh 4-6 minggu from 03/11/2022. Pengajur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Pengajur.

Semua Hadiah mesti diambil mengikut terma dan syarat Pengajur, penaja ejennya dan/atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

Pengajur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Hadiah tidak diterima atau ditangguh penghantarananya kepada Peserta.

S17: Siapa yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut?

J: Anda boleh hubungi talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 untuk sebarang bantuan yang diperlukan.

PERHATIAN:

Pengguna digalakkan untuk memeriksa dan membaca Terma & Syarat Promosi di laman web secara berkala untuk syarat tambahan seperti yang dinyatakan di bawah:

B. Syarat-syarat Penyertaan:

- 1.2 Pengajur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).